

## **BAB 3**

**KONGRES MELAYU SEMALAYA 1946**

**SEBAGAI SATU USAHA KEARAH**

**PENYATUAN POLITIK MELAYU**

# KONGRES MELAYU SEMALAYA 1946 SEBAGAI SATU USAHA KEARAH PENYATUAN POLITIK MELAYU

## **Pendahuluan**

Ekoran daripada rancangan British untuk memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu, maka wujudlah pelbagai reaksi daripada orang Melayu. Orang Melayu yang selama ini telah “tidur” sejak sekian lama telah mula “terjaga” dengan pengumuman rancangan British bagi mewujudkan Malayan Union. Bagi orang Melayu, pengenalan Malayan Union adalah sama seperti menguburkan bangsa Melayu dan hak Melayu.

Oleh itu maka wujudlah penentangan yang hebat di kalangan orang Melayu. Tetapi penentangan yang wujud pada awal pengumuman rancangan Malayan Union ini adalah bersifat kedaerahan dan kenegerian sahaja. Pada waktu itu masih tiada lagi badan yang dapat menyatukan pelbagai pertubuhan dan kesatuan untuk bangun menentang pengenalan Malayan Union. Di seluruh Tanah Melayu pada waktu itu telah wujud berpuluh pertubuhan dan kesatuan yang bangun menentang Malayan Union. Tetapi, sayangnya tentangan yang dianjurkan oleh pertubuhan dan kesatuan ini adalah secara bersendirian dan berasingan serta bersifat kedaerahan dan kenegeriaan, mereka tidak berganding bahu dalam menentang Malayan Union. Ini kerana pada masa tersebut semangat dan batas-batas kenegerian yang wujud di kalangan masyarakat Melayu masih lagi menebal. Orang Melayu masing-masing berjuang atas nama pertubuhan atau kesatuan yang wujud di negeri sendiri

Jika kita lihat penentangan yang dilakukan oleh orang Melayu di awal pengumuman rancangan Malayan Union, setiap pertubuhan dan kesatuan yang wujud di negeri-negeri di Tanah Melayu masing-masing menganjurkan rapat umum atau demonstrasi di negeri sendiri. Langsung tiada penyatuan di antara pertubuhan dan kesatuan ini. In kerana semangat kenegerian masih lagi menebal di dalam diri orang Melayu.

### **Cadangan Penubuhan Kongres Melayu Semalaya 1946**

Apabila melihat keadaan orang Melayu yang masih belum bersedia untuk bersatu maka beberapa akhbar di Tanah Melayu seperti *Majlis*,<sup>133</sup> *Warta Negara* dan *Utusan Melayu* telah menyuarakan cadangannya supaya pertubuhan atau kesatuan ini bergabung tenaga tanpa mengira batas dan sentimen kenegerian. Berikutan dengan cadangan tersebutlah, Dato' Onn telah mencadangkan supaya diadakan satu pertubuhan yang akan menjadi ibu kepada segala pertubuhan dan kesatuan yang telah sedia ada dan bertaburan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.<sup>134</sup>

Cadangan Dato' Onn ini telah disambut baik oleh masyarakat Melayu. Sambutan yang hangat ini telah dapat dilihat dengan jelas kerana orang ramai telah memberikan reaksi yang positif dan bersedia untuk bersatu demi maruah bangsa Melayu. Orang Melayu daripada pelbagai kesatuan dan negeri telah menghantar persetujuan mereka terhadap cadangan untuk menyatukan orang Melayu di bawah satu badan politik kepada beberapa akhbar tempatan seperti

---

<sup>133</sup> UMNO, *UMNO 20 Tahun*, Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO, 1966, hlm. 32

<sup>134</sup> *Majlis*, 24 Januari 1946

*Warta Negara* dan *Majlis*. Oleh itu bagi pandangan *Warta Negara*, mereka sudah tidak sabar-sabar lagi untuk mengadakan Kongres tersebut. Salah seorang yang telah menghantar pendapatnya dalam mempersetujui rancangan Dato' Onn untuk mengadakan Kongres Melayu Semalaya ialah seorang Melayu yang memperkenalkan dirinya sebagai Ramli.<sup>135</sup>

Menurut *Warta Negara*, cadangan yang dibuat oleh Dato' Onn ini dilihat amat menarik sekali kerana sebelum ini tiada cadangan yang dibuat oleh pemimpin tempatan untuk menyatukan masyarakat Melayu di bawah satu bumbung selain daripada syor yang dikemukakan oleh beberapa akhbar tempatan sejak beberapa hari sebelum itu.<sup>136</sup> Selain daripada Ramli, Ayob Abdullah dari Kedah juga telah meminta agar Kongres tersebut diadakan dengan segera demi kepentingan orang Melayu.<sup>137</sup> Ayob Abdullah adalah di antara orang Melayu yang aktif menyuarakan pendapatnya dalam menentang Malayan Union dan pendapatnya sering disiarkan di dada akhbar tempatan yang berbahasa Melayu.

Akhbar *Majlis* telah mencadangkan agar Dato' Onn menjadi ketua atau pengerusi dalam Kongres yang akan diadakan itu.<sup>138</sup> Cadangan ini disokong oleh akhbar seperti *Warta Negara* dan *Utusan Melayu*. Akhbar-akhbar ini sentiasa memberikan sokongan terhadap Dato' Onn seperti dengan cara menganjurkan agar derma untuk menampung perbelanjaan dalam usaha menentang Malayan union. Ini kerana, Dato' Onn merupakan seorang pemimpin Melayu yang berkaliber dan mempunyai hubungan yang rapat dengan sultan serta orang Melayu bawahan.

---

<sup>135</sup> *Warta Negara*, 5 Februari 1946.

<sup>136</sup> *Warta Negara*, 5 Februari 1946.

<sup>137</sup> *Majlis*, 30 Januari 1946.

<sup>138</sup> *Majlis*, 12 Januari 1946.

Kewibawaan Dato' Onn sudah lama tertonjol kerana Dato' Onn pernah menjadi pengarang di beberapa akhbar Melayu seperti *Warta Malaya* dan beberapa akhbar lagi. Selain itu juga nama Dato' Onn telah dikenali hampir kebanyakan orang Melayu termasuklah dari luar Johor.

Menyedari betapa tingginya harapan orang Melayu yang diberikan kepada beliau untuk menjadi pengerusi Persidangan Kongres tersebut maka, Dato' Onn telah mengadakan rundingan dengan beberapa orang ahli Persatuan Pergerakan Semenanjung Johor pada malam 22 Januari 1946 mengenai tawaran atau cadangan yang dikemukakan oleh akhbar *Majlis* serta orang Melayu yang meminta beliau supaya menjadi pengerusi Kongres tersebut. Akhirnya Dato' Onn telah bersetuju untuk memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Dato Onn, sangat-sangat mengharapkan agar Kongres yang bakal diadakan itu nanti akan dapat mengasaskan satu Gerakkan Kebangsaan Melayu dalam memperjuangkan "survival" politik orang Melayu serta menghalusi surat memorandum berkenaan dengan bangkangan terhadap Kertas Putih Malayan Union.<sup>139</sup> Di samping itu juga bagi *Warta Negara*, Kongres ini adalah amat penting sebagai satu tempat persidangan untuk menyatakan pendapat orang Melayu<sup>140</sup> daripada perbagai negeri, kedudukan, jantina dan usia demi untuk kebaikan umat Melayu. Pada pandangan *Warta Negara*, penyatuan bangsa Melayu adalah penting demi masa depan anak cucu bangsa Melayu itu sendiri. Tanpa bersatu orang Melayu akan lemah dan mudah dikuasai oleh pihak lain<sup>141</sup>

---

<sup>139</sup> *Warta Negara*, 15 Februari 1946.

<sup>140</sup> *Warta Negara*, 5 Februari 1946.

<sup>141</sup> *Warta Negara*, 5 Februari 1946

Selain itu, *Warta Negara* adalah antara akhbar yang telah banyak memberikan sokongan yang penuh terhadap cadangan Dato' Onn untuk mengadakan Kongres yang bertujuan untuk menyatukan semua pertubuhan dan kesatuan Melayu yang ada di Tanah Melayu. Selain itu juga, *Warta Negara* melihat cadangan Dato' Onn ini adalah merupakan satu usaha yang bakal dapat mengugat keangkuhan pentadbiran British yang mahu terus menakluki Tanah Melayu dengan pengenalan Malayan Union. Selain daripada itu, *Warta Negara* telah melihat bahawa Kongres yang bakal diadakan adalah untuk membela hak dan keadilan bagi orang Melayu di seluruh Tanah Melayu dan akan menjadi tenaga penggerak kepada perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union.<sup>142</sup>

Persidangan Kongres yang akan diadakan itu adalah satu daripada bukti yang menunjukkan bukan sahaja orang Melayu telah sedar daripada "dibuai mimpi yang panjang" sehinggakan orang Melayu telah hampir kehilangan haknya di tanah air sendiri. Selain itu juga orang Melayu telah tahu membezakan yang mana yang baik dan yang mana yang buruk setiap perkara yang dilakukan oleh British dan orang Melayu mahu kembali berkuasa di tanah airnya sendiri dan tidak mahu lagi terpedaya dan duduk di bawah penguasaan penjajah atau imperialisme barat.<sup>143</sup>

Demi menyokong hasrat Dato' Onn untuk mengadakan Kongres bagi menyatupadukan orang Melayu dalam menentang Malayan Union, pihak akhbar *Warta Negara* telah berbesar hati memperuntukkan ruangan di dalam akhbar itu

---

<sup>142</sup> Harry Miller, *Putera Diraja Dan Perdana Menteri*, Kuala Lumpur: Federal Publicatiuon, 1969, hlm. 82.

<sup>143</sup> *Warta Negara*, 2 Mac 1946.

untuk menyiarkan berita berkenaan cadangan dan perjalanan Kongres yang bakal diadakan nanti. Pada pandangan *Warta Negara*, dengan meluangkan satu ruangan di dalam akhbar tersebut diharapkan agar orang Melayu di seluruh Tanah Melayu akan dapat mengikuti perkembangan kongres yang bakal diadakan itu. Di samping itu, juga pada pandangan *Warta Negara*, Kongres tersebut diharapkan akan berjaya merubah senario politik orang Melayu di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua serta diharapkan juga agar pada suatu hari nanti orang Melayu akan mempunyai platform politiknya yang kuat yang dapat membela nasib orang Melayu dan membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah.

Setelah cadangan Dato' Onn untuk mengadakan Kongres itu mendapat sambutan yang hangat di kalangan orang Melayu, yang menjadi masalahnya sekarang iaitu bila dan di mana Kongres itu akan berlangsung. Pada mulanya, Dato' Onn mencadangkan supaya Kongres Kebangsaan Melayu diadakan di Melaka.<sup>144</sup> Pada Pandangan *Warta Negara*, Melaka adalah sebuah negeri yang kaya dengan sejarah dan keagungan bangsa Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.<sup>145</sup> Oleh itu, Melaka patut diberikan penghormatan untuk mengendalikan persidangan ini. Ini kerana persidangan ini begitu penting dan bersejarah buat orang Melayu. Diharapkan juga persidangan tersebut akan dapat menghidupkan kembali kegemilangan bangsa Melayu yang telah terkubur sejak sekian lama apabila Tanah Melayu dikuasai oleh beberapa kuasa asing termasuklah British.

---

<sup>144</sup> Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm., 55

<sup>145</sup> *Warta Negara*, 25 Januari 1946.

Oleh itu, Persatuan Melayu Melaka telah bersetuju untuk menjadikan Melaka sebagai tuan rumah persidangan Kongres Melayu Semalaya di Melaka seperti yang telah dicadangkan oleh Dato' Onn.<sup>146</sup> Oleh itu, Persatuan Melayu Melaka disarankan untuk membuat jemputan kepada pertubuhan dan kesatuan orang Melayu yang ada di seluruh Tanah Melayu. Beberapa orang daripada ahli Jawatankuasa Persatuan Melayu Melaka telah dilantik untuk menguruskan dan membuat jemputan kepada semua pertubuhan dan kesatuan Melayu.

Selain daripada Melaka terdapat juga cadangan agar diadakan sahaja Kongres tersebut di Kuala Lumpur. Salah satu cadangan itu adalah datangnya daripada Ayob Abdullah dari Kedah yang telah menyatakan bahawa Kuala Lumpur adalah lebih sesuai untuk menjadi perkampungan persidangan Kongres itu nanti.<sup>147</sup> Persatuan Melayu Selangor telah menunjukkan kesanggupannya untuk menjadi tuan rumah jika Kongres tersebut akan di adakan di Kuala Lumpur.<sup>148</sup>

Tetapi Dato' Onn kurang bersetuju dengan cadangan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Kongres yang begitu penting buat bangsa Melayu. Dato Onn telah mengemukakan pendapatnya dengan menyatakan bahawa Kuala Lumpur memanglah elok dijadikan tempat persidangan Kongres, tetapi Kuala Lumpur dibina pada masa kini dan tidak begitu sesuai untuk dijadikan tempat persidangan untuk menentukan nasib bangsa Melayu pada masa yang depan.<sup>149</sup> Maka sekarang ini telah wujud pula perbalahan tentang tempat

---

<sup>146</sup> *Majlis* 31 Januari 1946.

<sup>147</sup> *Majlis*, 31 Januari 1946.

<sup>148</sup> *Majlis*, 31 Januari 1946.

<sup>149</sup> *Warta Negara*, 25 Januari 1946.



Kongres tersebut akan berlangsung. Menyadari hakikat ini maka *Warta Negara* melihat jika keadaan perbalahan mengenai tempat ini dibiarkan maka ia akan berlarutan dan menghasilkan perbalahan yang lebih besar dan orang Melayu akan berpecah.

*Warta Negara* melihat hal sedemikian juga akan merugikan bangsa Melayu sendiri. Oleh itu, *Warta Negara* menganggap soal tempat bukanlah soal yang besar dan tidak perlulah soal tempat ini diperbahaskan dengan begitu hebat. Pada pendapat *Warta Negara*, insiden soal tempat untuk mengadakan Kongres ini telah menunjukkan bahawa orang Melayu masih lagi tidak matang dalam soal politik dan suka berbalah mengenai suatu perkara yang remeh temeh. *Warta Negara* menyatakan bahawa kejadian seperti ini haruslah dielakkan jika orang Melayu mahu bersatu<sup>150</sup>

Oleh itu demi kepentingan orang Melayu dan menyahut cadangan dan pendapat yang dikemukakan oleh akhbar *Majlis*, *Warta Negara* dan *Utusan Melayu* maka Dato` Onn telah mencadangkan diadakan satu rundingan antara wakil-wakil pertubuhan dan kesatuan untuk mencari tempat yang sesuai dan mudah untuk dihadiri oleh ahli-ahli persatuan untuk berkongres.<sup>151</sup> Selain itu, di pejabat-pejabat surat khabar seperti *Warta Negara* dan *Majlis* sibuk menerima panggilan demi panggilan selain daripada telegram yang dihantar oleh orang Melayu yang telah mencadangkan supaya Kongres tersebut diadakan di Kuala Lumpur.<sup>152</sup> Kuala Lumpur dipilih kerana kedudukannya yang strategik dan mudah untuk pertubuhan dan kesatuan Melayu di seluruh Tanah Melayu hadir dan

---

<sup>150</sup> *Warta Negara*, 30 Januari 1946.

<sup>151</sup> *Majlis*, 24 Januari 1946.

<sup>152</sup> *Majlis*, 7 Februari 1946.

berkumpul. Jika Kongres itu diadakan di Melaka, kedudukan Melaka adalah agak ke selatan Tanah Melayu. Ini agak menyukarkan pertubuhan atau kesatuan Melayu yang ada di utara tanah air untuk datang kerana jaraknya yang jauh.

Selain itu juga kebanyakan orang Melayu yang menghantar telegram dan menelefon telah mengesyorkan agar Kongres tersebut diadakan pada akhir bulan Februari 1946. Ini kerana lagi cepat Kongres itu diadakan maka, lebih baik untuk kepentingan orang Melayu.<sup>153</sup> Sebuah pertubuhan atau kesatuan perlu diwujudkan segera kerana Malayan Union akan dilaksanakan tidak lama lagi iaitu pada bulan April akan datang.

Setelah memikirkan permintaan daripada majoriti pertubuhan dan kesatuan Melayu serta orang perseorangan maka dipersetujui sebulat suara bahawa Kuala Lumpur bakal dijadikan tempat Persidangan Kongres Melayu Semalaya yang pertama. Oleh itu Persatuan Melayu Selangor telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan hal tersebut. Bagi memastikan perjalanan Kongres berjalan lancar, Persatuan Melayu Selangor telah giat membuat pelbagai persediaan selaku tuan rumah Kongres<sup>154</sup> yang bakal diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946. Oleh kerana banyak kerja perlu dilakukan maka Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor iaitu salah satu persatuan yang aktif dan kuat di Selangor telah sudi menghulurkan kerjasama dan bantuan kepada Persatuan Melayu Selangor demi menjayakan Kongres tersebut

Oleh itu, untuk melincinkan perjalanan Kongres yang bakal diadakan pada 1 hingga 4 Mac yang bertempat di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur maka

---

<sup>153</sup> *Majlis*, 7 Februari 1946.

<sup>154</sup> *Majlis*, 19 Februari 1946.

satu Jawatankuasa Kerja atau Panitia telah dilantik. Antara Ahli jawatankuasa yang dilantik iaitu Zainal Abidin (Za'ba). Za'ba adalah pengerusi Kongres Melayu Selangor telah dilantik menjadi sebulat suara untuk menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan.<sup>155</sup> Selain daripada Za'ba, turut dilantik membarisi jawatan kuasa kerja tersebut termasuklah Yunus bin Hamidi iaitu pengarang akhbar *Majlis* dan Dato' Hamzah bin Abdullah iaitu Pengerusi Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor. Manakala pengerusi Kongres tersebut adalah Dato' Onn bin Jaafar. Mereka ini telah bekerja keras untuk menjayakan kongres yang bakal diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946.<sup>156</sup>

Satu masalah lagi yang timbul untuk mengadakan Kongres tersebut iaitu masalah kewangan. Menyedari kewangan merupakan antara perkara yang penting bagi melaksanakan Kongres tersebut maka disarankan agar pihak akhbar mengadakan atau menjalankan pungutan derma untuk membantu membiayai perjalanan Kongres tersebut.<sup>157</sup> Bagi *Warta Negara* pungutan derma ini adalah penting untuk menjayakan Kongres tersebut. Oleh itulah akhbar seperti *Warta Negara* dan juga *Majlis* telah menyambut baik cadangan ini. Selain itu juga adalah diharapkan agar pembesar-pembesar dan hartawan Melayu supaya dapat memberikan sedikit sumbangan demi kepentingan orang Melayu.<sup>158</sup>

Menurut *Warta Negara* Ramli Bin Mohd Adil telah mengemukakan satu cadangan yang boleh dianggap baik untuk mengumpul derma bagi mengadakan

---

<sup>155</sup> Adnan Hj. Nawang, *Za'ba Patriot Dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1994, hlm. 153.

<sup>156</sup> Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 26.

<sup>157</sup> *Warta Negara*, 5 Februari 1946.

<sup>158</sup> *Majlis*, 14 Februari 1946

Kongres ini. Menurut Ramli, rakyat di peringkat negeri mestilah memainkan peranan yang aktif dalam usaha untuk mengumpul derma bagi tujuan mengadakan Kongres di Kuala Lumpur itu nanti. Beliau telah mencadangkan supaya diadakan pertunjukan sandiwara, wayang kulit ataupun lain-lain kegiatan yang boleh menghasilkan wang.<sup>159</sup> Ini kerana pada masa tersebut persembahan seperti bangsawan amat diminati oleh orang Melayu. Wang yang dipungut hasil daripada pertunjukan atau sandiwara itu akan didermakan kepada Kongres. Pendapat ini sangat dipersetujui oleh *Warta Negara* kerana ia akan dapat membantu melincinkan perjalanan Kongres.

Atas usaha yang dilakukan oleh pihak akhbar dan orang ramai maka, *Warta Negara* telah berjaya memungut derma sebanyak dua \$2000.00 sehingga menjelang akhir bulan Febuari 1946.<sup>160</sup> Manakala akhbar *Majlis* pula telah berjaya mengumpul sebanyak \$9,561.95 sehingga 1 Mac 1946 iaitu menjelang hari pertama perjalanan Kongres.<sup>161</sup>

Apa yang lebih mengharukan lagi ialah penglibatan sultan dalam menghulurkan derma. Sultan Selangor iaitu Sultan Hishamuddin telah sudi menghulurkan derma sebanyak \$5000 kepada Kongres tersebut.<sup>162</sup> Manakala Sultan Kedah iaitu Sultan Badlishah, kekanda kepada Tunku Abdul Rahman telah menyumbangkan sebanyak \$2000.<sup>163</sup> Kesudian kedua orang sultan ini untuk menghulurkan derma telah membuktikan bahawa orang Melayu bukanlah bersendirian dalam berusaha untuk mengadakan Kongres tetapi turut disokong

---

<sup>159</sup> *Warta Negara*, 5 Februari 1946.

<sup>160</sup> *Warta Negara*, 27 Februari 1946

<sup>161</sup> Ramlah Adam, *Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 33.

<sup>162</sup> *Utusan Melayu*, 1 Mac 1946.

<sup>163</sup> *Utusan Melayu* 4 Mac 1946

oleh raja Melayu. Wang yang dikumpul ini diharapkan dapat melancarkan perjalanan Kongres yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur.

Sesungguhnya sokongan yang padu yang telah diberikan oleh akhbar tempatan seperti *Warta Negara* dan *Majlis* serta orang ramai telah banyak membantu menyelesaikan masalah kewangan bagi mengadakan Kongres yang berlangsung pada 1 hingga 4 Mac 1946.

Oleh itu apabila masalah kewangan telah diselesaikan maka surat-surat jemputan untuk menghadiri Kongres pada 1 hingga 4 Mac telah dihantar.<sup>164</sup> Untuk memudahkan persediaan mengadakan Kongres, Ahli Jawatan Kuasa Kerja Kongres atau Panitia telah meminta supaya pertubuhan atau kesatuan yang ingin menghadiri Kongres yang akan diadakan di Kuala Lumpur untuk menghubungi Persatuan Melayu Selangor untuk memberi tahu jumlah wakil yang akan dihantar oleh pertubuhan atau kesatuan itu bagi menghadiri Kongres tersebut.<sup>165</sup>

Selain itu, Yunus Hamidi iaitu selaku setiausaha Jawatan Kuasa Kongres yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, membuat kenyataan tentang syarat dan peraturan yang dikenakan oleh Kongres bagi menghadiri persidangan tersebut. Dalam kenyataan yang dikeluarkannya, beliau menyatakan bahawa bilangan wakil yang hendak dihantar ke Kongres berkenaan adalah tidak boleh lebih daripada enam orang. Wakil-wakil itu hendaklah mewakili ibu kesatuan atau pertubuhan, dengan kata lain wakil dari cawangan tidak akan diterima. Selain itu juga pertubuhan atau persatuan yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa tidak

---

<sup>164</sup> Ramlah Adam, *Dato' Onn: Pengasas Kemerdekaan, op. cit.*, hlm. 87

<sup>165</sup> *Warta Negara*, 19 Februari 1946

akan diterima masuk mengambil bahagian dalam persidangan Kongres tersebut.<sup>166</sup>

Selain itu juga bagi membantu menjayakan Kongres tersebut akhbar tempatan yang berbahasa Melayu juga turut menghebahkan jemputan kepada pertubuhan atau kesatuan untuk mengadakan Kongres di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Oleh itu sebanyak 41 buah persatuan telah mengirinkan jawapan untuk menghadiri persidangan Kongres Melayu Semalaya yang pertama ini. Oleh itulah *Warta Negara* telah melihat bahawa persidangan Kongres yang bakal berlangsung pada 1 hingga 4 Mac ini dapat menyatukan pertubuhan politik Melayu tidak kiralah sama ada yang berhaluan kiri atau kanan.<sup>167</sup>

Salah satunya pertubuhan politik orang Melayu yang dianggap radikal atau berhaluan kiri iaitu PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya) telah bersetuju untuk bersatu dengan Pertubuhan atau kesatuan politik lain dalam Kongres tersebut. Hal ini telah dibuktikan dengan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Ahmad Boestaman sendiri. Beliau telah menyatakan bahawa PKMM akan menghantar wakil untuk menghadiri Kongres tersebut.<sup>168</sup>

Penyertaan PKMM dalam Kongres tersebut adalah penting untuk menyatakan bahawa PKMM adalah salah satu pertubuhan politik Melayu yang akan memperjuangkan nasib orang Melayu bersama-sama dengan pertubuhan dan kesatuan lain dalam menentang Malayan Union. Antara wakil yang akan dihantar

---

<sup>166</sup> *Warta Negara*, 23 Februari 1946.

<sup>167</sup> *Warta Negara*, 6 Mac 1946.

<sup>168</sup> Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Kepuncak*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora, 1972.  
hlm. 60

ke Kongres tersebut termasuklah Ahmad Boestaman. Ini telah membuktikan bahawa orang Melayu boleh bersatu tanpa mengira ideologi politik mereka.

Selain daripada itu sebuah lagi pertubuhan atau kesatuan Melayu yang dianggap radikal atau sosialis yang turut menghantar jawapan untuk menghadiri Majlis tersebut iaitu SABERKAS.<sup>169</sup> SABERKAS adalah salah sebuah pertubuhan yang terdapat di Kedah ia bukanlah pertubuhan politik. Tujuan asal ia ditubuhkan adalah untuk memperjuangkan nasib golongan petani di Kedah. SABERKAS dalam mensyuaratnya yang diadakan setelah menerima jemputan Persatuan Melayu Selangor (PMS) telah bersetuju untuk menghantar sebanyak empat orang perwakilan ke Kongres tersebut. Manakala tiga orang kuat SABERKAS iaitu Abdul Hamid bin Abdullah, Senu Abdul Rahman dan Omar Din telah dipilih untuk turut menyertai Persatuan Melayu Kedah menghadiri Kongres. Walaupun telah ada pemimpin atau orang kuat SABERKAS yang akan menghadiri Kongres tersebut atas tiket Persatuan Melayu Kedah<sup>170</sup> tetapi, SABERKAS tetap akan menghantar wakilnya. Ini kerana SABERKAS tidak mahu ianya hanya berjuang di dalam membela nasib orang Melayu di dalam negeri Negeri Kedah sahaja, tetapi ia mahu menjadi pembela nasib orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.

Selain itu juga, Persatuan Melayu Pulau Pinang telah memberikan jawapannya untuk menghantar wakil bagi menghadiri Kongres Melayu Semalaya yang akan berlangsung tidak lama lagi. Oleh itu Persatuan Melayu Pulau Pinang atau nama ringkasnya PMPP telah melantik wakil yang akan menghadiri Kongres

---

<sup>169</sup> Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1945-1951*, *op. cit.*, hlm. 6

<sup>170</sup> Baharuddin Abdul Majid, "SABERKAS Pergerakkan Dan Perjuangannya 1944-1956," *op. cit.*, hlm. 214.

Melayu Semalaya yang akan diadakan di Kuala Lumpur. Tuan Yusof selaku yang Di Pertua Melayu Pulau Pinang dan Tun Haji Tahir telah dilantik sebulat menjadi wakil Persatuan Melayu Pulau Pinang.<sup>171</sup>

Selain itu juga, antara pertubuhan atau kesatuan lain yang telah menghubungi Persatuan Melayu Selangor untuk mengesahkan diri untuk menghadiri Kongres tersebut termasuk, Ikatan Setia Kampung Baru, Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ), Kesatuan Melayu Kedah (PMK), Persatuan Melayu Kelantan, Kesatuan Melayu Melaka dan yang menariknya satu pertubuhan orang asli atau sakai juga turut berminat dan bersetuju untuk menghantar wakil ke Kongres tersebut. Pertubuhan yang dimaksudkan itu ialah Kaum Darat Selangor.

Satu perkara lagi yang menakjubkan ialah jawapan yang diberikan oleh Persatuan Kaum Ibu Selangor. Jika sebelum ini golongan wanita adalah amat jarang sekali menceburkan diri dalam bidang politik, tetapi kini dengan wujudnya isu Malayan Union maka kaum ibu ini telah sama-sama mahu berjuang dan bersatu padu dengan pertubuhan dan kesatuan yang telah diterajui oleh kaum lelaki. Di sini kita dapat melihat ada perubahan yang telah berlaku dalam politik tanah air. Jika dahulunya peranan wanita adalah sebagai isteri dan ibu di rumah tetapi kali ini kaum wanita telah bangun bersama-sama dengan kaum lelaki untuk berjuang membela nasib orang Melayu. Ini telah menunjukkan bahawa Kongres yang akan diadakan ini bakal dapat menyatukan politik orang Melayu di seluruh Tanah Melayu tidak kira jantina, pangkat dan usia.

---

<sup>171</sup> *Warta Negara*, 25 Februari 1946.



Manakala pada tanggal 28 Febuari 1946, Za'ba telah mengadakan satu mensyuarat di antara Jawatankuasa Kerja atau Panitia Kongres untuk membincangkan agenda yang dicadangkan oleh Dato' Onn<sup>172</sup> untuk Kongres yang bakal berlangsung di Kampung Baru Kuala Lumpur. Antara agenda yang diperbincangkan adalah:

1. Menubuhkan ibu Pejabat Persatuan Pergerakan Kebangsaan Melayu Semalaya.
2. Merundingkan perkara mengenai Malayan Union
3. Menghantar wakil ke London
4. Derma pelajaran kemenangan Melayu Semenanjung
5. lain-lain hal jika ada<sup>173</sup>

Dato' Onn tidak dapat hadir di dalam mensyuarat yang diadakan itu, kerana pada ketika itu beliau berada di Johor kerana ada utusan penting dengan Sultan Johor. Oleh itulah Dato' Onn telah meminta jasa baik Za'ba selaku Pengerusi Sambutan Kongres yang bakal berlangsung pada 1 hingga 4 Mac 1946 supaya mengadakan serta mempengerusikan mensyuarat tersebut. Mensyuarat tersebut adalah penting sebagai persediaan sebelum berlangsungnya Kongres yang bersejarah itu nanti.

Selain itu juga pihak penganjur Kongres iaitu Persatuan Melayu Selangor telah berusaha untuk mendapatkan kebenaran pihak Berkuasa British bagi mengadakan Kongres tersebut dan akhirnya usaha Persatuan Melayu selangor itu mendapat persetujuan daripada Pihak Berkuasa British. Tetapi, pihak British akan tetap mengawasi perjalanan Kongres tersebut dengan menghantar beberapa orang anggota polis.<sup>174</sup> Diharapkan kepada Kongreslah akan bergantung nasib umat

---

<sup>172</sup> *Utusan Melayu*, 1 Mac 1946

<sup>173</sup> *Warta Negara*, 25 Februari 1946.

<sup>174</sup> Ramlah Adam, *Dato' Onn Pengasas Kemedekaan*, *op. cit.*, hlm. 88.

Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Ini kerana pada 1 Mac nanti akan berlangsungnya Kongres di Kuala Lumpur yang akan di hadiri oleh kesatuan dan pertubuhan Melayu seluruh Semenanjung.<sup>175</sup>

### **Persidangan Kongres Melayu Semalaya Yang Pertama (1-4 MAC 1946)**

Tarikh yang ditunggu-tunggu oleh orang Melayu telah tiba. Maka pada 1 Mac 1946 berlangsunglah satu Persidangan Kongres yang paling bersejarah dalam mencorak politik orang Melayu. Persidangan yang berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur selama empat hari telah dihadiri oleh 41 buah pertubuhan dan telah dihadiri oleh kira-kira 3000 wakil daripada pelbagai Kesatuan dan Pertubuhan dari seluruh Tanah Melayu<sup>176</sup> datang berhimpun di Padang Kelab Sultan Sulaiman untuk mengikuti perbincangan dan perbahasan isu-isu yang bakal dikemukakan di dalam Kongres. *Warta Negara* melihat sambutan yang diberikan oleh orang Melayu untuk bersatu demi memperjuang nasib orang Melayu amat menggalakkan sekali. Mereka ini telah sanggup datang dari jauh dan dekat tanpa mengira sempadan negeri atau daerah semata-mata hanya mahu bersatu menubuhkan satu Pertubuhan yang akan dapat menyatukan orang Melayu.

Sebelum perasmian Kongres Melayu Semalaya bermula, Dato' Onn telah pun mengadakan perjumpaan dengan Gabenor Malayan Union pada jam 10 pagi untuk melahirkan bantahan orang Melayu terhadap pelaksanaan Malayan Union

---

<sup>175</sup> *Majlis*, 28 Februari 1946.

<sup>176</sup> *Warta Negara*, 4. Mac 1946.

di Tanah Melayu.<sup>177</sup> *Warta Negara* menyokong tindakan orang Melayu tidak akan mengiktiraf Malayan Union.

Di samping itu apa yang lebih membanggakan lagi bagi orang Melayu, ialah kesudian sultan-sultan Melayu untuk turut sama memberikan sokongan moral terhadap perjuangan mereka dalam mengadakan Kongres. *Warta Negara* menyatakan bahawa orang Melayu amat berbesar hati apabila Sultan Selangor iaitu sultan Hishamuddin telah berkenan untuk merasmikan upacara pembukaan Kongres<sup>178</sup> yang begitu bersejarah bagi orang Melayu yang akan menjadi medan perjuangan politik orang Melayu di masa depan. Persidangan Kongres tersebut berlangsung tepat jam 12.00 tengah hari.<sup>179</sup> Kesudian Sultan Selangor yang telah sanggup merasmikan Pembukaan Kongres tersebut telah menunjukkan bahawa pihak penganjur Kongres tidak bersendirian dalam perjuangan penyatuan orang Melayu dalam satu badan politik tetapi disokong oleh raja Melayu.

Setelah selesai merasmikan upacara pembukaan Kongres tersebut Sultan Hishamuddin telah berangkat pulang. Sebaik sahaja baginda berangkat, maka persidangan tersebut bermula. Pada hari pertama persidangan Kongres ini, perbincangan yang dijalankan adalah merangkumi beberapa syor-syor penting supaya orang Melayu bersatu tanpa mengira sempadan kenegerian dengan cara bersatu di bawah satu badan atau pertubuhan sahaja. Beberapa orang para perwakilan juga berucap dan mengemukakan beberapa cadangan termasuklah Dato' Onn sebagai pengerusi Kongres tersebut telah berucap dan mencadangkan

---

<sup>177</sup> *Warta Negara*, 4 Mei 1946.

<sup>178</sup> *Majlis*, 1 Mac 1946.

<sup>179</sup> *Warta Negara*, 2 Mac 1946.

agar ditubuhkan satu badan yang dapat menguruskan dan memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu di seluruh Tanah Melayu.

Dalam ucapan yang dilakukan pada hari pertama Kongres Dato' Onn telah menyatakan bahawa orang Melayu hendaklah sentiasa memelihara maruah serta kesopanan bangsa supaya bangsa Melayu sentiasa kuat dan selamat, di samping itu juga dengan cara bersatu padu sahaja bangsa Melayu akan menjadi kuat jika tidak bangsa Melayu akan lemah selamanya.<sup>180</sup> Pada pandangan *Warta Negara* dengan cara bersatu padu sahajalah orang Melayu akan selamat.<sup>181</sup>

Dato' Onn telah mencadangkan nama Persatuan Pergerakan Melayu atau dalam Bahasa Inggerisnya iaitu United Malay Organisation (UMO) bagi menjadi ibu kepada semua gabungan pertubuhan dan kesatuan yang ada di Tanah Melayu.<sup>182</sup> Setelah beberapa lama berbincang dan berbahas Kongres telah sebulat suara bersetuju untuk menukarkan nama daripada Persatuan Melayu Semalaya atau United Malay Organisation (UMO) dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR)<sup>183</sup> Za'ba orang yang bertanggungjawab dalam menambah perkataan National atau dalam bahasa Melayunya iaitu Kebangsaan<sup>184</sup> PEKEMBAR adalah nama popular bagi UMNO (United Malay National Organisation) sebelum UMNO ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946.

Selain daripada Dato' Onn beberapa orang wakil yang hadir di Kongres tersebut turut berucap antaranya seperti Za'ba.<sup>185</sup> Yang menariknya dalam

---

<sup>180</sup> *Utusan Melayu*, 6 Mac 1946.

<sup>181</sup> *Warta Negara*, 6 Mac 1946

<sup>182</sup> *Majlis*, 24 Januari 1946

<sup>183</sup> *Warta Negara*, 4 Mac 1946

<sup>184</sup> *Utusan Melayu*, 6 Mac 1946.

<sup>185</sup> *Majlis*, 1 Mac 1946.

Kongres tersebut iaitu terdapatnya ucapan daripada wakil kanak-kanak dalam menyampaikan harapan dan hasrat hati mereka demi menjaga kepentingan masa depan orang Melayu. Antara wakil kanak-kanak yang dijemput berucap adalah terdiri daripada Yassin Saleh, Adnan dan Rafeah Ibrahim yang mewaliki kanak-kanak perempuan.<sup>186</sup>

*Warta Negara* melihat kongres yang berlangsung ini telah dijadikan tempat bagi mengemukakan hasrat orang Melayu yang terpendam demi masa depan politik Melayu. Salah satu ucapan yang disampaikan di dalam kongres tersebut yang begitu memberikan kesan yang mendalam terhadap para perwakilan, pemerhati dan orang Melayu yang hadir di Persidangan Kongres tersebut adalah ucapan yang datangnya daripada salah seorang daripada wakil kanak-kanak tersebut. Dalam ucapan yang disampaikan ini wakil kanak-kanak tersebut telah menyampaikan isi hati mereka dengan menyatakan bahawa mereka merasa pilu dan sedih dengan nasib malang yang bakal mereka terima<sup>187</sup> hasil daripada tindakan yang dilakukan oleh raja-raja Melayu dengan menurunkan tandatangan terhadap cadangan Malayan Union. Ucapan ini telah membuka mata dan minda orang Melayu iaitu jika mereka tidak bersatu untuk menentang Malayan Union maka anak-anak mereka akan menerima nasib yang malang dan akan kehilangan negerinya sendiri.

Oleh itulah *Warta Negara* telah menyiarkan sepenuhnya ucapan kanak-kanak ini bagi menyedarkan orang Melayu supaya mereka bersatu dalam melakukan segala perkara termasuklah dalam usaha menentang pelaksanaan

---

<sup>186</sup> *Majlis*, 1 Mac 1946

<sup>187</sup> *Warta Negara*, 5 Mac 1946

Malayan Union. Antara ucapan yang di siarkan oleh *Warta Negara* adalah berbunyi;

“...maka betapa sedih dan hiba serta pilunya yang kami rasai nasib malang yang akan kami terima, bagaimanakah rupa corak yang akan kami warnakan, apakah pusaka yang kami megah-megahkan dengan menyebut Malaya ini negeri kami yang asal. Bagaimanakah rupa corak pelajaran dan penghidupan yang akan kami terima, dan sekalian ini akan menjadi ingatan di masa kami jaga dan menjadi igauan di masa kami besar. Ayuhai ibu bapa kami sekalian!. Sementara kami besar, sementara kami remaja, sementara kami menjadi umat yang bertanggungjawab, di atas negerinya sendiri, maka dengan hati yang suci murni dengan menyusun sepuluh jari, kami pohonkan belalah hak kami sementara kami besar, peliharalah pusaka kami sementara kami remaja, kawallah kehormatan dan maruah kami sementara kami menjadi umat yang bertanggungjawab ke atas negerinya.”<sup>188</sup>

Selain itu juga pada pendapat *Warta Negara*, sebagai orang Melayu haruslah merasa bangga melihat anak yang sekecil itu sudahpun mempunyai kesedaran politik yang tinggi di dalam dirinya dan menyeru supaya ibu bapa mereka bersatu demi kedaulatan bangsa Melayu. *Warta Negara* berharap kesedaran yang begitu tinggi yang dimiliki oleh kanak-kanak yang masih muda dan mentah dalam kehidupan ini akan menjadi pemimpin Melayu yang berkaliber dalam memperjuangkan kepentingan politik orang Melayu pada masa akan datang.<sup>189</sup>

Persidangan Kongres yang berlangsung pada hari kedua ini masih mendapat sambutan yang hebat daripada seluruh masyarakat Melayu. Pada hari kedua persidangan Kongres ini di adakan perbincangan berkenaan dengan pengubalan undang-undang tubuh atau Piagam PEKEMBAR atau juga di kenali sebagai UMNO. Dato Onn selaku Yang Di Pertua PEKEMBAR telah melantik

---

<sup>188</sup> *Warta Negara*, 5 Mac 1946.

<sup>189</sup> *Warta Negara*, 5 Mac 1946.

lima orang yang mahir dalam undang-undang bagi menjadi Ahli Jawatankuasa Pengubal Piagam PEKEMBAR<sup>190</sup>

Pada hari kedua ini juga satu perbahasan yang menjadi isu perdana, hanya dibincangkan. Isu tersebut adalah tidak lain dan tidak bukan berkenaan isu Malayan Union. Isu Malayan Union ini begitu hangat diperbahaskan di dalam Kongres tersebut. Di mana semua wakil pertubuhan dan pemerhati serta orang Melayu yang hadir di Kongres itu tidak setuju Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu. Orang Melayu telah bersepakat untuk menentang Malayan Union habis-habisan. Ini dapat di lihat melalui ucapan yang dilakukan oleh Dato' Onn yang telah disiarkan oleh *Warta Negara* yang telah menyeru supaya orang Melayu bangun bersatu menentang Malayan Union. Ucapan Dato' Onn ini disambut baik dan disokong sepenuhnya oleh orang Melayu yang hadir dalam persidangan Kongres tersebut.

Selain daripada Dato' Onn, PKMM juga telah menghantar wakilnya untuk berucap dan menyampaikan pendirian mereka berkenaan Malayan Union. Antara isi kandungan ucapan daripada Ahmad Boestaman selaku wakil PKMM ialah:

“...British sudah tipu kita maka kita sudah diajar cara menipu dalam politik dan demikan adalah lebih baik kita tidak mahu sama sekali dengan kertas putih... Malaya perlu diperintah oleh orang Melayu sendiri.”<sup>191</sup>

Berdasarkan kenyataan dan pendirian yang dikemukakan oleh PKMM itu kita dapati bahawa PKMM akan bersama-sama berganding bahu dengan orang

---

<sup>190</sup> Adnan Hj Nawang, *Za'aba Patriot Dan Pedeta Melayu, op. cit.*, hlm. 153

<sup>191</sup> *Pelita Malaya*, 4 Mac 1946.

Melayu yang lain dalam menentang pelaksanaan Malayan Union yang bakal dilaksanakan pada 1 April 1946.

Manakala Kongres yang berlangsung pada hari ketiga iaitu pada 3 Mac 1946, masih lagi membahaskan mengenai isu Malayan Union. Akhirnya satu persetujuan telah dicapai oleh semua para perwakilan 41 buah pertubuhan dan kesatuan untuk menghantar kawat bantahan kerana Kongres tidak bersetuju dan tidak menganggap Perjanjian Malayan Union yang telah ditandatangani itu sebagai satu perjanjian yang sah<sup>192</sup> terhadap cadangan Malayan Union. Para Perwakilan telah bersetuju agar Kongres mengirim kawat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Attlee.<sup>193</sup>

Antara isi kandungan Kawat yang telah digariskan oleh Kongres dan dipersetujui oleh semua para perwakilan ialah;

1. "Orang Melayu menganggap perjanjian yang telah ditandatangani oleh sultan-sultan Melayu dengan menyerahkan kuasa pemerintahan Tanah Melayu ke tangan yang Raja England, telah dijalankan tidak menurut kehendak Undang-undang Tubuh atau Perlembagaan Negeri serta tidak mengikut adat resam yang lazim digunakan di dalam negeri-negeri Melayu. Oleh itu, Kongres telah memutuskan persetujuan yang diberikan oleh raja-raja melalui tandatangan yang telah diturunkan itu adalah tidak sah dan terbatal sama sekali.
2. Oleh kerana perjanjian-perjanjian tersebut telah dijalankan dengan tidak diberitahu dan bertentangan dengan kehendak orang Melayu maka perjanjian ini tidak akan diterima oleh seluruh rakyat jelata. Di samping itu, Kongres telah mengistiharkan bahawa perbuatan memaksa sultan-sultan Melayu untuk menandatangani perjanjian tersebut adalah bersalahan dan bertentangan dengan rukun-rukun demokrasi.
3. Cadangan dan hasrat Raja England yang hendak berkuasa penuh di Tanah Melayu dan menafikan kuasa raja-raja Melayu samalah ertinya dengan ingin merampas terus Tanah Melayu. Ini berlawanan dan melanggar semangat Ikrar Atlantik.

---

<sup>192</sup> *Majlis*, 4 Mac 1946.

<sup>193</sup> *Warta Negara*, 5 Mac 1946.



4. Malayan Union akan menghancurkan struktur Negeri-negeri Melayu dengan memberikan taraf kerakyatan yang sama kepada semua kaum.
5. Meminta Kerajaan King England supaya menyiasat keadaan yang sebenar di Tanah Melayu.
6. Meminta Kerajaan Raja England supaya menarik balik cadangan Malayan Union dan kembalikan taraf negeri-negeri Melayu ini seperti sedia kala dengan tidak membuat sebarang perubahan untuk sementara waktu.”<sup>194</sup>

Oleh itu kita dapat lihat orang Melayu telah begitu berani dan bersatu untuk menyuarakan tuntutan mereka. Orang Melayu yang hadir di dalam Kongres tersebut sudah tidak mahu menjadi “Pak Turut” sehingga maruah bangsa dan tanah air mereka tergadai. Para perwakilan yang hadir di dalam Kongres berkenaan sangat mengharapkan agar pihak British akan berasa terpukul dengan bantahan yang dilakukan oleh orang Melayu di dalam Kongres tersebut.

Oleh itu, pada hari ketiga Kongres ini berlangsung hanya isu Malayan Union sahaja yang diperbincangkan manakala isu tentang Derma Pelajaran dan lain-lain perkara yang berbangkit diperbahaskan pada hari persidangan Kongres yang keempat iaitu pada 4 Mac 1946. Oleh itu, apabila kita meneliti perjalanan Kongres yang telah berlangsung selama empat hari ini kita akan dapati bahawa orang Melayu boleh diajak bersatu dan berjuang di bawah satu pertubuhan politik tanpa mengira sentimen kenegerian dan fahaman politik demi kepentingan bangsa Melayu.

Oleh itu, Persidangan Kongres yang telah berlangsung selama 4 hari ini telah mendapat sambutan yang amat mengagumkan telah berakhir dengan jayanya. Para perwakilan yang hadir amat berharap agar persidangan Kongres

---

<sup>194</sup> *Warta Negara*, 6 Mac 1946.

seperti ini akan kerap diadakan bagi membincangkan masalah politik dan kepentingan orang Melayu. Sebenarnya orang Melayu bukanlah tidak mahu bersatu tetapi tiada pemimpin yang mahu mengajak dan memimpin mereka untuk bersatu. Para pemimpin atau golongan feodal Melayu yang ada sebelum ini hanya mementingkan semangat kenegerian sahaja tanpa mahu berusaha untuk merubah batasan atau tembok yang diwujudkan oleh mereka sendiri demi menjaga kepentingan peribadi mereka.

Belum pun reda perbahasan dan tentangan mengenai Malayan Union berdasarkan perhatian yang diberikan terhadap kawat yang telah dihantar oleh Kongres Melayu yang pertama yang telah bersidang di Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946, Pihak Pentadbir British begitu angkuh menyatakan bahawa Malayan Union akan tetap dijalankan walaupun orang Melayu menentang. Malayan Union tetap akan dilaksanakan juga pada 1 April 1946. Ini kerana, sultan-sultan atau raja-raja Melayu telah menandatangani perjanjian tersebut serta perjanjian tersebut tidak akan dibatalkan.

### **Pesidangan Kongres Melayu Semalaya Kedua (30 MAC-31 MAC 1946)**

Satu lagi mensyuarat atau persidangan akan diadakan pada 30 hingga 31 Mac.<sup>195</sup> Persidangan Kongres ini merupakan persidangan tergepar bagi membincangkan ketetapan dan tindakan yang akan diambil oleh orang Melayu apabila Malayan Union dirasmikan pada 1 April nanti. Ini kerana pihak British akan tetap dengan keputusan mereka untuk melaksanakan Malayan Union pada 1 April 1946. Segala bantahan orang Melayu tidak diindahkan, seolah-olah British

---

<sup>195</sup> *Warta Negara*, 5 April 1946.

tidak mengenal atau mengiktiraf wujudnya bangsa Melayu.<sup>196</sup> British langsung tidak mempedulikan perasaan orang Melayu yang meminta supaya rancangan untuk melaksanakan Malayan Union dibatalkan. Oleh itulah Dato' Onn telah memanggil Persidangan Kongres tergepar yang juga dikenali sebagai Persidangan Kongres Melayu Kedua untuk membincangkan tindakan yang akan diambil oleh orang Melayu terhadap Majlis Perasmian Malayan Union akan berlangsung dua hari sahaja lagi.

Di samping itu juga Dato' Onn dan seluruh orang Melayu berasa "terpukul" dan tercabar dengan tindakan raja-raja Melayu yang telah melahirkan persetujuan untuk menghadiri Majlis Perasmian dan perlantikan Gabenor Malayan Union yang pertama. Raja Melayu tidak sudah-sudah mahu membelakangi kehendak rakyat demi menjaga kepentingan peribadi mereka. Oleh itulah Dato' Onn telah mengadakan Kongres tergepar yang berlangsung selama dua hari. Pada hari yang pertama Kongres ini berlangsung di Ibu Pejabat *Majlis*<sup>197</sup> manakala pada hari kedua Kongres ini bersidang di Penang Peranakan Kelab<sup>198</sup>

Wakil-wakil yang hadir dalam Kongres yang berlangsung selama dua hari itu hanya terdiri daripada sembilan orang wakil daripada sembilan persatuan Melayu sahaja.<sup>199</sup> Ini kerana Kongres ini diadakan secara tergepar dan surat jemputan tidak sempat dihantar untuk semua pertubuhan dan kesatuan yang ada di seluruh Tanah Melayu seperti Kongres yang pertama dahulu. Semua negeri

---

<sup>196</sup> *Warta Negara*, 3 April 1946.

<sup>197</sup> Ramlah Adam, *Dato, Onn Pengasas Kemerdekaan*, *op. cit.*, hlm. 92

<sup>198</sup> UMNO, *UMNO 20 Tahun*, *op. cit.*, hlm. 35.

<sup>199</sup> *Utusan Melayu*, 30 Mac 1946

menghantar wakil untuk menghadiri Kongres tersebut kecuali Terengganu.<sup>200</sup> Tidak dapat dipastikan kenapa Terengganu tidak menghantar wakil, mungkin kerana kesuntukkan masa. Antara wakil yang hadir ke Kongres tersebut iaitu Dato' Onn (Johor), Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba (Selangor), Salleh Hakim (Perlis), Dato' Panglima Bukit Gantang (Perak), Tengku Mahyuddin (Pahang), Tunku Abdul Rahman (Kedah), Rahim Ibrahim (Singapura), Tengku Mohamad Tengku Besar Burhanuddin (Negeri Sembilan) dan Ibrahim Mahmood (Pulau Pinang).<sup>201</sup>

Selama dua hari bersidang maka Kongres tergepar tersebut telah mengambil beberapa keputusan yang dianggap tegas kerana kecewa dengan sikap yang ditunjuk oleh raja-raja Melayu yang mahu menghadiri Majlis Perasmian Malayan Union. Antara keputusan yang dicapai di dalam persidangan tersebut ialah raja-raja Melayu tidak dibenarkan sekali-kali menghadiri atau mengambil sebarang bahagian di dalam istiadat atau majlis perasmian Malayan Union<sup>202</sup> yang tetap akan diadakan oleh British pada 1 April 1946. Sekiranya raja-raja Melayu berkeras juga untuk turut mengambil bahagian di dalam sebarang istiadat yang berhubung dengan Malayan Union tersebut, maka orang Melayu tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap raja-raja Melayu iaitu dengan membuang dan tidak akan di akui sebagai raja lagi oleh rakyat.<sup>203</sup> Keputusan yang diambil oleh Kongres tergepar ini telah dipersetujui oleh orang Melayu. Ini kerana orang Melayu sudah mula hilang sabar dengan kerenah raja-raja mereka

---

<sup>200</sup> *Warta Negara*, 30 Mac 1946.

<sup>201</sup> *Utusan Melayu*, 30 Mac 1946.

<sup>202</sup> *Warta Negara*, 5 April 1946.

<sup>203</sup> *Ibid.*, 5 April 1946.

yang sering berlembut dan mengikut telunjuk British demi menjaga kepentingan peribadi tanpa memikirkan kepentingan bangsa Melayu dan negeri Melayu.

Selain itu juga, bagi orang Melayu yang telah dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union juga diminta untuk menarik diri daripada menganggotainya.<sup>204</sup> Jika mereka ini enggan untuk menarik diri daripada menjadi ahli Majlis Mensyuarat Penasihat mereka tidak akan diakui sebagai bangsa Melayu.<sup>205</sup> Mereka akan dicop sebagai pertualang bangsa yang akan “menguburkan” bangsa Melayu di tanah air sendiri.

Selain itu juga antara lain cadangan atau resolusi Kongres tergepar sebut ialah meminta supaya orang Melayu berkabung selama tujuh hari iaitu mulai daripada 1 April 1946 hingga 7 April 1946. Oleh itu, dengan segera surat-surat telah dihantar kepada pertubuhan dan kesatuan yang ada di seluruh Tanah Melayu meminta supaya orang Melayu berkabung.<sup>206</sup> Selain itu juga para perwakilan yang menghadiri Kongres tergepar tersebut telah melantik Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang dan Dato' Nik Abdullah supaya mengadap raja-raja Melayu dan menyatakan kehendak rakyat jelata yang mahukan sultan dan raja Melayu turut berkabung daripada menghadiri Majlis Perasmian tersebut.<sup>207</sup>

*Warta Negara* telah menyokong penuh cadangan Kongres tergepar itu dan menyeru agar orang Melayu hendaklah bertindak dengan lebih tegas lagi supaya kerajaan British sedar dan mengerti bahawa orang-orang Melayu bukanlah sebarang bangsa yang boleh dimainkan serta meminta supaya kehendak-

---

<sup>204</sup> *Ibid.*, 5 April 1946.

<sup>205</sup> *Ibid.*, 5 April 1946.

<sup>206</sup> *Warta Negara*, 1 April 1946.

<sup>207</sup> Syed Hussein Alattas, *Bahtera Lama Nakhoda Baru*, *op. cit.*, hlm. 59.

kehendak orang Melayu turut diambil berat.<sup>208</sup> Orang Melayu telah berikrar akan bersatu untuk menentukan nasibnya dan segenap lapisan masyarakat Melayu tetap akan sehidup semati dalam memperjuangkan kepentingan dan hak orang Melayu daripada terus dicabuli.<sup>209</sup> Selain itu, *Warta Negara* telah menganggap hari perasmian Malayan Union yang diadakan pada 1 April adalah hari yang sehabis celaka dan malang bagi orang Melayu.<sup>210</sup> Dengan itu, *Warta Negara* telah menyeru agar seluruh orang Melayu agar berkabung bagi membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.<sup>211</sup>

Oleh kerana tentangan yang begitu hebat yang dilakukan oleh orang Melayu dalam menolak pelaksanaan Malayan Union maka raja-raja Melayu yang telah sedia berkumpul di Hotel Stesen Kuala Lumpur untuk menghadiri Majlis Perasmian Malayan Union telah membatalkan hasrat mereka. Ini kerana raja-raja Melayu telah diancam tidak akan diterima lagi sebagai raja jika mereka tetap berdegil untuk menghadiri Majlis tersebut.<sup>212</sup>

Oleh itu, berdasarkan peristiwa ini *Warta Negara* telah melihat gambaran dan sikap orang Melayu jelas telah berubah. Orang Melayu telah sanggup untuk menentang raja-raja mereka jika raja tersebut tetap berdegil untuk menghadiri dan menerima pelaksanaan Malayan Union.<sup>213</sup> Bagi mereka, iaitu orang Melayu apa gunanya mereka menyanjungi raja dan menumpahkan taat setia mereka jika raja yang dianggap ketua dan pelindung mereka sendiri telah merosakkan amanah

---

<sup>208</sup> *Warta Negara*, 3 April 1946.

<sup>209</sup> *Warta Negara*, 5 April 1946.

<sup>210</sup> *Warta Negara*, 30 Mac 1946.

<sup>211</sup> *Warta Negara*, 3 April 1946.

<sup>212</sup> *Warta Negara*, 5 April 1946.

<sup>213</sup> *Warta Negara*, 5 April 1946.

yang diberikan dan melanggar syarat yang ada pada Undang-undang Tubuh yang ada di negeri masing-masing demi menjaga kepentingan sendiri tanpa memikirkan nasib seluruh seluruh rakyatnya dan Tanah Melayu.

Pekara sebegini adalah baru dalam pergerakan politik Melayu. Jika sebelum isu Malayan Union, segala tindakan raja-raja Melayu tidak pernah dipersoalkan. Orang Melayu telah menumpahkan segala taat setia mereka yang tidak berbelah bagi terhadap sultan dan raja-raja mereka. Kini, orang Melayu sudah berani bangun menentangan segala tindakakn raja atau sultan mereka yang dianggap akan memusnahkan hak orang Melayu. Orang Melayu akan terus bersatu setelah sedar bahawa tindakan orang Melayu yang sebelum ini tidak bersatu<sup>214</sup> telah menyebabkan kuasa asing begitu mudah mahu mencorak pentadbiran di Tanah Melayu mengikut sesuka hari mereka tanpa memikirkan perasaan kaum peribumi. Ini dapat di lihat dimana *Pelita Malaya* juga telah memberikan ulasan bahawa orang Melayu telah mula mengalami perubahan dalam politik sebagai sokongan terhadap *Warta Negara* yang sentiasa sahaja memberikan liputan terhadap politik orang Melayu. Menurut *Pelita Malaya*:

“Orang Melayu sekarang baru meningkat dalam kegiatan politik dan ini didorong oleh semangat kebangsaan mereka yang berkobar-kobar”.<sup>215</sup>

Sesungguhnya keputusan yang telah diambil oleh Kongres tergempar yang berlangsung selama dua hari di Ibu Pejabat *Majlis* dan Penang Peranakan Club ini telah berjaya mendapat sokongan daripada orang ramai dan akhirnya dapat menundukkan kemahuan Raja Melayu dalam menghadiri Majlis Perasmian

---

<sup>214</sup> *Warta Negara*, 4 April 1946.

<sup>215</sup> *Pelita Malaya*, 18 Mac 1946.

Malayan Union. Sesungguhnya dengan bersatu maka orang Melayu akan teguh dan jika berpecah orang Melayu akan roboh dan hancur.

### **Persidangan Kongres Melayu Semalaya Yang Ketiga (11 MEI–12 MEI 1946)**

Kongres Melayu Semalaya akan bersidang lagi bagi kali yang ketiga. Persidangan ini akan diadakan pada 11 hingga 12 Mei 1946 bertempat di Istana Besar Johor.<sup>216</sup> Tengku Ismail iaitu Tengku Mahkota Johor telah berkenan untuk merasmikan persidangan yang akan berlangsung di Istana Besar Johor.<sup>217</sup> Manakala Dato' Onn Jaafar akan menjadi Pengerusi Kongres tersebut.

Pada kali ini Dato' Onn dan seluruh orang Melayu telah bersetuju agar persidangan tersebut diadakan di Johor. Johor dipilih adalah kerana mengenangkan jasa yang disumbangkan oleh Dato' Onn yang telah bersusah payah berusaha untuk menyatukan bangsa Melayu disamping sebagai tanda penghargaan kepada Sultan Johor yang telah bekerjasama dengan Kongres tergepar dalam memujuk agar raja-raja Melayu supaya berkabung dan menyokong tindakan orang Melayu<sup>218</sup> supaya tidak menghadiri upacara Perasmian dan Perlantikan Gabenor Malayan Union pada 1 April yang lalu. Ahmad Bin Mohamad Syah telah dilantik untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Kongres tersebut.<sup>219</sup> Oleh itu, jemputan telah dihantar kepada

---

<sup>216</sup> *Warta Negara*, 15 Mei 1946.

<sup>217</sup> Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, *op. cit.*, hlm. 30.

<sup>218</sup> Ramlah Adam, *Dato' Onn Pengasas Kemerdekaan*, *op. cit.*, hlm. 93.

<sup>219</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, *op. cit.*, hlm. 30.



pertubuhan dan kesatuan yang ada di seluruh Tanah Melayu. Sebanyak 29 buah pertubuhan telah bersetuju untuk menghadiri Persidangan Kongres tersebut.<sup>220</sup>

Tujuan utama Kongres ini diadakan adalah untuk membahaskan piagam PEKEMBAR yang kemudiannya akan dikenali sebagai UMNO setelah dirasmikan penubuhannya pada 11 Mei 1946 yang telah siap digubal. Selain itu juga diharapkan agar persidangan Kongres pada kali ini juga akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang Melayu supaya jangan berpecah belah dan mementingkan diri sendiri sahaja.<sup>221</sup>

Setelah berbincang dengan panjang lebar maka perwakilan Kongres telah meluluskan dengan sebulat suara, piagam UMNO yang telah dirangka oleh Dato, Onn, Dato, Panglima Bukit Gantang dan tiga orang lagi anggota pengubal piagam yang telah dilantik oleh Kongres Melayu Semalaya yang pertama yang telah bersidang pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Antara perkara yang terkandung dalam piagam tersebut ialah Peraturan Mengenai Perlantikan dan Tugas-tugas Setiausaha, Majlis Mensyuarat Agung, mengenai bendera UMNO dan Derma Kebangsaan Melayu.<sup>222</sup>

Apabila Piagam UMNO telah diluluskan oleh Kongres maka secara rasminya Pertubuhan Kebangsaan Melayu atau UMNO telah dirasmikan dan Kongres telah dimansuhkan.<sup>223</sup> Dengan ini segala perkara yang melibatkan

---

<sup>220</sup> *Ibid*, hlm. 163.

<sup>221</sup> *Majlis*, 12 Mei 1946.

<sup>222</sup> Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1945-1951*, *op. cit.*, hlm. 35.

<sup>223</sup> *Warta Negara*, 15 Mei 1946.

kepentingan Melayu akan diambil alih oleh UMNO Dato' Onn telah mengumumkan pembubaran Kongres 1946 di Istana Besar Johor.<sup>224</sup>

Maka berakhirlah tugas yang diamanahkan kepada Kongres Melayu Semalaya dalam menyatukan masyarakat Melayu demi membela nasib orang Melayu di Tanah Melayu. Sesungguhnya Kongres Melayu Semalaya yang berlangsung sebanyak tiga kali ini telah banyak memberikan faedah kepada orang Melayu dalam menyatukan orang Melayu untuk berjuang di bawah satu pertubuhan demi kepentingan bangsa Melayu.

#### **Kejayaan-Kejayaan Kongres 1946 (KONGRES MELAYU SEMALAYA)**

Jasa yang ditaburkan oleh Kongres Melayu Semalaya atau dikenali sebagai Kongres 1946 yang telah bersidang sebanyak tiga kali telah berjaya menyatukan orang Melayu di bawah satu pertubuhan yang dikenali sebagai nama UMNO. Jasa Kongres dalam menyatukan orang Melayu sehingga lahirnya UMNO adalah tidak ternilai besarnya. Sebelum lahirnya UMNO perpaduan orang Melayu telah berjaya disatukan oleh Kongres yang telah bersidang buat pertama kalinya pada 1 hingga 4 Mac 1946 yang telah berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Pada persidangan yang pertama kali diadakan bertujuan menyatukan seluruh orang Melayu bagi mewujudkan satu pertubuhan yang akan dapat membela nasib orang Melayu ini telah disertai oleh 41 buah pertubuhan dan kesatuan di seluruh Tanah Melayu. Di samping itu, 3 ribu orang Melayu yang hadir di Padang Kelab Sultan Sulaiman yang datang daripada pelbagai pelusuk

---

<sup>224</sup> *Warta Negara*, 15 Mei 1946

Tanah Melayu. Tujuan mereka datang untuk mengikuti perjalanan Kongres dan sebagai tanda sokongan mereka terhadap Kongres yang bertujuan mahu membentuk pertubuhan yang akan menyatukan orang Melayu di bawah satu bumbung dan bukan berbentuk kenegerian.

Orang Melayu sangat menyokong niat baik Kongres yang mahu menyatukan orang Melayu tanpa mengira batas kenegerian. Sokongan orang Melayu ini telah dapat dilihat melalui surat-surat yang telah dihantar kepada akhbar tempatan seperti *Majlis*, *Warta Negara* dan *Utusan Melayu*. Dato' Onn selaku presiden Kongres telah menyeru kepada semua orang Melayu supaya bersatu padu di dalam usaha untuk membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. Dato' Onn beranggapan bahawa dengan cara ini sahaja berkesan untuk kita menyelamatkan tanah air kita sendiri.<sup>225</sup> Seruan Dato' Onn yang mahukan orang Melayu bersatu telah berjaya menginsafkan mereka yang selama ini tidak bersatu.

Persidangan Kongres yang telah berlangsung sebanyak tiga kali itu telah berjaya menyatukan orang Melayu tanpa mengira pangkat, darjat atau jantina serta usia telah digantikan pula dengan UMNO.<sup>226</sup> Oleh itu, Kongres 1946 dibubarkan pada persidangan Kongres yang ketiga yang telah berlangsung di Istana Besar Johor. Pembubaran Kongres ini telah diumumkan oleh Dato' Onn selaku Yang di Pertua Kongres Melayu 1946. Oleh itu, segala tanggungjawab dan perjuangan Kongres akan diambil alih oleh UMNO.

---

<sup>225</sup> *Warta Negara*, 15 April 1946.

<sup>226</sup> Sebelum perasmiannya pada 11 Mei 1946 ia lebih dikenali sebagai PEKEMBAR

Oleh itu sumbangan Kongres 1946 yang telah berlansung sebanyak 3 kali itu telah memberikan sumbangan yang besar kepada orang Melayu. Melalui persidangan Kongres Melayu Melayu 1946, UMNO dilahirkan sebagai wardah perjuangan bangsa Melayu. UMNO adalah sebuah pertubuhan yang menggabungkan pertubuhan dan kesatuan yang ada di Tanah Melayu. Oleh itu, kelahiran UMNO pada 11 Mei 1946 adalah di atas usaha Kongres Melayu 1946. UMNO lah yang akan menjadi tempat orang Melayu bersatu. Ini kerana pertubuhan atau kesatuan yang ada di Tanah Melayu disarankan menyertai UMNO. Oleh itu, pada akhir bulan Jun sebanyak 36 buah pertubuhan dan kesatuan Melayu telah bergabung dengan UMNO. Ini termasuklah Persatuan Kaum Ibu Selangor<sup>227</sup> dan Pesatuan Kaum Darat Selangor yang dianggotai oleh orang asli di Selangor.

Selain daripada itu juga, Kongres berjaya menyeru orang Melayu dan sultan Melayu supaya memboikot Majlis Perasmian dan Istiadat Perlantikan Gabenor Malayan Union. Di samping itu juga, ahli Majlis Penasihat mestilah menarik diri daripada menganggotai Majlis tersebut. Resolusi untuk memboikot dan berkabung ini dibuat ketika persidangan tergepar Kongres yang telah berlangsung selama 2 hari iatu 30 dan 31 Mac 1946. Oleh kerana British tetap berdegil juga untuk melaksanakan Malayan Union walaupun orang Melayu membantahnya maka Kongres telah mengambil keputusan untuk menyeru orang Melayu memboikot dengan tidak menghadiri Majlis Perasmian dan Istiadat

---

<sup>227</sup> Leonore Manderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 65.

Perlantikan Gabenor Malayan Union yang Pertama itu serta bergabung selama satu minggu.

Oleh itulah Kongres telah menghantar surat-surat kepada pertubuhan dan kesatuan di seluruh Tanah Melayu supaya jangan menghadiri Majlis tersebut dan meminta supaya semua orang Melayu berkabung.<sup>228</sup> Oleh itu, orang Melayu telah bersetuju untuk berkabung bagi membantah pelaksanaan Malayan Union.<sup>229</sup>

Walaupun pun pada mulanya Raja-raja Melayu tetap berdegil untuk menghadiri Majlis tersebut tetapi melihat di atas usaha Kongres yang diketuai oleh Dato' Onn telah berjaya memujuk raja-raja Melayu supaya turut berkabung bersama dan jangan menghadiri Majlis tersebut. Jika raja-raja Melayu terus berdegil, orang-orang Melayu telah bersepakat untuk membuang atau mengulingkan mereka. Oleh itu, di sini *Warta Negara* melihat bahawa orang Melayu telah semakin matang dalam membela nasib mereka. Buktinya, di hadapan Hotel Stesen Kuala Lumpur iaitu tempat penginapan raja-raja Melayu telah sesak dimana beribu-ribu orang Melayu telah berkumpul dan berkabung dengan melilit kain putih di songkok-songkok mereka dan meminta supaya raja-raja Melayu turut sama bergabung. Akhirnya raja-raja Melayu bersetuju untuk membatalkan niat mereka untuk menghadiri Majlis Perasmian itu<sup>230</sup> dan turut berkabung bersama-sama rakyat mereka.<sup>231</sup> Jika selama ini rakyat tidak pernah membantah segala kehendak raja mereka tetapi kini keadaan jauh berubah. *Warta*

---

<sup>228</sup> *Warta Negara*, 1 April 1946.

<sup>229</sup> *Warta Negara* 1 April 1946.

<sup>230</sup> *Straits Times*, 1 April 1946.

<sup>231</sup> *Warta Negara* 2 April 1946.

*Negara* turut menyatakan ini adalah satu riwayat baru bagi perhubungan di antara rakyat dan raja-raja Melayu.<sup>232</sup>

Jika raja Melayu terus berdegil untuk menghadiri majlis tersebut mungkin sejarah penderhakaan Hang Jebat akan berulang tetapi berlaku dalam konteks yang lebih menyeluruh. Jika pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dahulu, Hang Jebat berseorang menentang rajanya tetapi kini orang Melayu bersatu untuk menentang raja mereka jika kehendak rakyat tidak diikuti. Keadaan ini adalah satu perkara baru yang terjadi dalam politik Melayu selepas Perang Dunia Kedua di antara hubungan rakyat dan raja. Rakyat sudah berani untuk menyoal tindakan raja mereka jika perbuatan raja mereka itu akan merugikan orang Melayu. Orang Melayu tidak akan berputus asa, mereka telah sanggup menderhaka kepada raja mereka jika raja tersebut membelakangi rakyat<sup>233</sup> dan tetap tidak akan berganjak dengan keputusan mereka untuk tidak menerima Malayan Union. Ini telah mengalihkan pandangan kita yang menyangka bahawa orang Melayu adalah lemah-lembut dan tidak suka membantah segala kehendak raja tetapi kini keadaan jauh berbeza. Malayan Union tidak akan diterima dan mereka mahukan raja raja Melayu juga tidak menerima Malayan Union.<sup>234</sup>

Oleh itu kita harus mengucapkan tahniah kepada kepada sultan-sultan atau raja-raja Melayu di atas keteguhan hati mereka kerana telah bersetuju mahu bersama-sama berjuang dengan rakyat jelata dalam menentang Malayan Union, walaupun pada mulanya mereka berkeras untuk menghadiri Majlis Perasmian

---

<sup>232</sup> *Warta Negara*, 5 April 1946.

<sup>233</sup> *Warta Negara*, 3 April 1946.

<sup>234</sup> *Warta Negara*, 4 Mei 1946.

Malayan Union dan perlantikan Gabenor Malayan Union.<sup>235</sup> *Warta Negara* dengan bangga menyatakan bahawa inilah sebaik-baiknya langkah yang menunjukkan semangat perjuangan itu tetap ada pada semua lapisan umat Melayu daripada raja turun kepada rakyat dalam menjaga kedaulatan bangsa Melayu.<sup>236</sup>

Selain itu juga, kawat yang telah dihantar kepada Perdana Menteri Britian pada kali Pertama Persidangan Kongres telah sampai di London. Perbahasan mengenai isi kawat yang telah dihantar oleh Kongres tersebut telah diperbahaskan hampir setiap hari. Selain itu juga kawat yang dihantar itu juga telah mendapat perhatian pihak BBC London. BBC London adalah merupakan salah satu badan penyiaran yang ada di London. Menurut *Warta Negara* lagi dalam siarannya itu, pihak BBC London memberitahu kisah-kisah macam mana Sultan Kedah terpaksa menandatangani Perjanjian Malayan Union itu yang sudahpun menjadi satu perbincangan yang besar di dalam Persidangan Majlis Dewan Orang Ramai.<sup>237</sup>

Kawat Kongres yang disiarkan oleh BBC London adalah merupakan suatu petanda yang baik kerana ini telah menunjukkan bahawa ada pihak-pihak di London sendiri yang turut menyokong tindakan orang Melayu menolak pelaksanaan Malayan Union serta mengkritik tindakan yang diambil oleh British untuk melaksanakan Malayan Union tanpa meminta pandangan penduduk tempatan.<sup>238</sup> Oleh itu, sepatutnyalah suara bantahan Melayu mendapat perhatian dan simpati serta sokongan dari seluruh dunia.<sup>239</sup>

---

<sup>235</sup> *Warta Negara*, 2 April 1946.

<sup>236</sup> *Warta Negara* 2 April 1946.

<sup>237</sup> *Warta Negara*, 14 Mac 1946.

<sup>238</sup> *Warta Negara*, 12 Mac 1946.

<sup>239</sup> *Warta Negara*, 12 Mac 1946.

## Kesimpulan

Oleh itu *Warta Negara* melihat bahawa Kongres Melayu yang berlangsung sebanyak tiga kali pada tahun 1946 telah berjaya dalam memberikan satu sumbangan yang tidak ternilai kepada masyarakat Melayu. Usaha Dato' Onn yang telah bersusah payah untuk mewujudkan dan mengendalikan Kongres tersebut tidak harus dipandang sepi, kerana tanpa usaha sebegini sudah tentulah orang Melayu masih lagi berpecah-belah dengan segala macam pertubuhan dan kesatuan yang wujud di negeri masing-masing dan mungkin juga UMNO yang telah menjadi wardah perjuangan politik Melayu tidak wujud sehingga kini.

Pada pandangan *Warta Negara* juga, Kongres Melayu Semalaya 1946 adalah satu titik permulaan untuk menyatukan orang Melayu<sup>240</sup> dan satu pertubuhan yang bakal menjadi lantasan perjuangan orang Melayu dalam membela nasib mereka secara keseluruhan tanpa melibatkan sentimen kenegerian. Sesungguhnya orang Melayu telah insaf dan sedar bahawa dengan bersatu sahajalah mereka akan menjadi kuat dalam menentang Malayan Union.

Selain itu juga *Warta Negara* turut melihat bahawa kejayaan Kongres dalam mewujudkan satu pertubuhan yang diberi nama UMNO, telah membuktikan kejayaan Dato' Onn dan seluruh orang Melayu bahawa mereka adalah bangsa yang boleh diajak bersatu dalam memperjuangkan nasib mereka.<sup>241</sup> UMNO yang dilahirkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 akan terus menyambung perjuangan yang dilakukan oleh Kongres Melayu Semalaya 1946.

---

<sup>240</sup> *Warta Negara*, 6 Mac 1946.

<sup>241</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.